

Headline **Apa itu Tutor iLMS?**
Date **05 Mar 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **5**
Article Size **159 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **2,072**
PRValue **6,216**



Apa itu Tutor iLMS?

PUTRAJAYA 4 Mac – Para pelajar kini boleh mengukur potensi, minat dan kecenderungan mereka lebih awal sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dengan menggunakan Sistem Pengurusan Pembelajaran Pintar Tutor (*Tutor iLMS*).

Menerusi sistem itu, pelajar bukan sahaja boleh mengukuhkan pemahaman mereka semasa mengulang kaji pelajaran selepas waktu kelas, malah dapat mencungkil kecergasan pelbagai dan cara pembelajaran yang sesuai dengan diri mereka.

Pelajar boleh menilai sendiri kemampuan diri melalui penyediaan ujian kognitif yang dapat memberi petunjuk nyata tentang kebolehan dan kecenderungan mereka sejak awal lagi.

Sistem e-pembelajaran itu dibangunkan oleh MIMOS Bhd. (MIMOS) sementara

pengisiannya yang merangkumi beberapa kategori seperti pengajaran dan pembelajaran, keusahawanan serta kerjaya dan latihan untuk memadamkan bahan dengan gaya belajar seseorang individu disediakan oleh Majlis Amanah Rakyat (Mara).

Perfesio Solutions Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Utusan Melayu (Malaysia) Bhd. pula berperanan sebagai ejen pemasaran dan bertanggungjawab membawa teknologi itu ke pasaran tempatan dan antarabangsa.

Keistimewaan program itu ialah ia dapat mengenal potensi dan kecenderungan setiap pelajar untuk memilih kursus yang bersesuaian dengan profil kognitif mereka.

Ini sekali gus memberi maklumat tepat kepada institusi pengajian tinggi awam dan swasta untuk menawarkan kursus bersesuaian dan mengurangkan 'pengeluaran' graduan yang kurang berminat dalam kursus yang

diambil.

Kehadiran sistem e-pembelajaran yang dapat menyediakan objek pembelajaran yang sesuai dengan sifat dan ciri-ciri setiap murid turut membantu kerajaan dalam memperluaskan lagi skop pendidikan dan pemilihan kerjaya di Malaysia.

Teknologi *Tutor iLMS* dicipta berdasarkan profil dan personaliti sebenar pelajar serta kaedah yang lebih mudah difahami melalui elemen multimedia terkini.

Sejajar dengan konsep pembelajaran di masa hadapan, *Tutor iLMS* menawarkan suatu proses pembelajaran yang teratur di mana setiap pelajar diuji terlebih dahulu dengan ujian psikometrik untuk mengetahui tahap kepandaian pelbagai dan cara pembelajaran yang sesuai dengan mereka.

Pelajar boleh memilih objek pembelajaran untuk sesuatu mata pelajaran kerana topik dipersembahkan dalam pelbagai format iaitu teks dan grafik serta multimedia dan realiti maya.